

**TALKING POINT**  
**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSELOR**  
**UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**  
**SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN**  
**PADA 16 NOVEMBER 2011**  
**DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia.

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Yang Berusaha Encik Zuber Bin Haji Mohamad, Pemangku Pendaftar UniMAP,

Yang Berusaha Puan Saodah Hassan, Bendahari UniMAP,

Yang Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir, Pustakawan Kanan UniMAP,

Yang Berusaha Penolong-Penolong Naib Canselor UniMAP,

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Seterusnya staf Universiti Malaysia Perlis yang saya kasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao,  
Magandang umaga (Tagalog), ahroonsawad (Bahasa Thai).

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat kita semua berkumpul pada pagi yang berbahagia ini sekaligus dapat mengeratkan lagi hubungan silaturrahim sesama kita dan berkongsi isu-isu terkini mengenai UniMAP.

Ladies and gentlemen,

Hadirin sekalian,

Sekali lagi saya berasa amat bersyukur dan berbangga kerana para penyelidik UniMAP yang menyertai **36<sup>th</sup> International Invention Show Zagreb Fair (INOVA)** yang berlangsung di Zagreb, Croatia pada 8 hingga 13 November 2011 berjaya membawa pulang 4 pingat emas, 2 perak dan 1 pingat gangsa bagi staff dan penyelidik muda UniMAP pula menyumbangkan 4 pingat emas dan satu pingat gangsa.

Lebih membanggakan lagi, salah satu produk kita iaitu *e-SAVE:Easy Sprayer Aerial Vehicle* hasil penyelidikan Prof. Madya Dr. Hazry Desa dinobatkan sebagai Best International Inventor Award.

Kita menghantar 7 produk dari staf penyelidik kita dan 8 produk dari penyelidik muda kita dalam kategori pelajar ini merupakan satu pencapaian yang amat memberangsangkan untuk penyertaan kali pertama kita di INOVA kali ini.

Hadirin sekalian,

Untuk makluman, UniMAP merupakan ketua delegasi Malaysia bagi penyertaan sulung ke INOVA ini yang diwakili Universiti Putra Malaysia, Universiti Malaysia Pahang, Sekolah Menengah Sains Kuching Sarawak, Sekolah Menengah Teknik Teluk Intan Perak dan Sekolah Menengah Sains Tuanku Syed Putra Perlis. INOVA adalah pameran yang acara tahunan, ia melibatkan lebih daripada 450 rekacipta dari 22 buah negara.

## Hadirin sekalian

Sempena INOVA itu juga, kita mengambil kesempatan untuk menjalinkan hubungan kerjasama penyelidikan di persada antarabangsa dengan memeterai dua memorandum persefahaman dengan dua organisasi di Taiwan dan Romania.

MoU pertama membabitkan Kelab Penyelidik Muda ENVEX (EYReC) yang mewakili UniMAP dan Pusat Inovasi dan Kreativiti, Far East Universiti, Taiwan. Manakala perjanjian kedua adalah antara Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi UniMAP dengan Forum Penyelidik Romania (Romanian Inventors Forum-FIR).

Kedua-dua kerjasama penyelidikan ini adalah untuk mengembangkan lagi aktiviti penyelidikan terutama di kalangan mahasiswa dan mahasiswi UniMAP khususnya dan pelajar-pelajar sekolah di negeri Perlis.

## Hadirin sekalian

Satu lagi berita yang amat membanggakan UniMAP adalah mengenai Dr. Ong Hui Lin, Timbalan Dekan Pusat Pengajian Siswazah yang telah berjaya memperolehi Anugerah Nasional Fellowship untuk Wanita dan Sains (FWIS) oleh L’Oreal Malaysia.

Beliau merupakan antara tiga penerima terpilih yang bakal ditawarkan geran penyelidikan berjumlah RM20,000 dalam usaha menggalakkan lebih ramai wanita menghasilkan penyelidikan dalam bidang sains.

Melalui geran tersebut, beliau akan menjalankan kajian Projek berkaitan kedayatahanan polypropylene berasaskan komposit nano dari segi jangka panjang (perubahan dan kebolehupayaan) dalam bidang automotif.

Hadirin sekalian,

Kita semakin menghampiri ke penghujung tahun, dan inilah masanya untuk kita kembali muhasabah diri tentang sasaran yang kita tetapkan di awal tahun lalu. UniMAP akan menyambut ulang tahun ke sepuluh pada tahun hadapan dan sebagai Naib Canselor saya berharap anda semua dapat merancang serta menetapkan sasaran kerja bermula dari sekarang supaya ianya dapat dilaksanakan lebih awal pada tahun hadapan.

Minggu lalu, kita telah mendapat berita sedih mengenai kehilangan seorang staff dari Jabatan Pembangunan dan pada minggu ini kita dikejutkan dengan berita kematian Maherrdar Awaliff, Pembantu Tadbir Pusat Kesihatan UniMAP yang meninggal dunia pada 13 November 2011 lalu. di kesempatan ini saya ingin mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham, marilah kita bersama-sama

sedekahkan Al-Fatihah semoga rohnya dicucuri rahmat oleh Allah S.W.T. Al-Fatihah

Sekian. Wassallammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.